

SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Kami : MPC(PCT)100.2/6 Jld 2

Tarikh : 24 Ogos 2020

MIMOS Berhad
Jalan Inovasi 3,
Taman Teknologi Malaysia,
57000 Kuala Lumpur
(U.P : Puan Emelia Matrahah)

Tel : 013 – 899 55000

**PELANTIKAN PEMBEKAL SECARA RUNDINGAN TERUS (eGPA) KEPADA MIMOS BERHAD BAGI PERKHIDMATAN TINJAUAN KESEDIAAN INDUSTRY 4WRD**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju melantik MIMOS Berhad bagi melaksanakan perkhidmatan Tinjauan Kesediaan Industry4WRD 2020 (RA) dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia : Enam Ratus Empat Puluh Ribu sahaja (RM640,000.00)**.

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam dokumen rundingan harga oleh pihak MIMOS Berhad berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan (Lampiran A1 : tidak termasuk 6% SST).
3. Pelaksanaan RA ini akan diberikan berdasarkan Tawaran Kerja yang akan diberikan dari masa ke semasa. Tempoh perkhidmatan adalah selama 4 bulan bermula pada **1 September 2020 sehingga 31 Disember 2020**.
4. Adalah dimaklumkan bahawa tiada perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika pihak MIMOS Berhad telah mengemukakan atau menandatangani kepada MPC, suatu Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank/ Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Insurans yang diluluskan dan didaftarkan di Malaysia yang tidak boleh dibatalkan berjumlah **Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Dua Ribu Sahaja (RM32,000.00)** yang merupakan 5.0 % dari jumlah perkhidmatan.
5. Setelah Tawaran Kerja dikeluarkan oleh MPC, MIMOS Berhad dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC.

6. MIMOS Berhad juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan surat ini sekiranya:

- (a) MIMOS Berhad gagal mematuhi mana-mana terma di dalam Tawaran Kerja;
- (b) MIMOS Berhad membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) MIMOS Berhad telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (d) MIMOS Berhad/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (e) MIMOS Berhad digulungkan;
- (f) MIMOS Berhad tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (g) Terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

7. Sekiranya surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 6, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian MIMOS Berhad termasuk kerugian masa hadapan.

8. Sekiranya pihak MIMOS Berhad dalam apa-apa cara gagal membekalkan perkhidmatan kepada pihak MPC, maka penerimaan ini akan terbatal dan selepas itu MPC tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada pihak MIMOS Berhad.




9. Sila kembalikan dua (2) salinan yang telah ditandatangani oleh pihak MIMOS Berhad dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)


PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas salinannya yang mana telah disimpan.



(tandatangan syarikat)

Nama Penuh : DR ISKANDAR SAMAD
No. Kad Pengenalan : 800911146111
Alamat : MIMOS BERHAD
TECHNOLOGY PARK MALAYSIA
57000 KUALA LUMPUR
Tarikh : 2 OKTOBER 2020



(Tandatangan wakil syarikat)

Nama Penuh : THILLAI RAJ T. RAMANATHAN
No. Kad Pengenalan : 611108075681
Alamat : MIMOS BERHAD
TECHNOLOGY PARK MALAYSIA
57000 KUALA LUMPUR
Tarikh : 2 OKTOBER 2020

Diberikan dengan sempurna untuk menandatangani untuk dan bagi pihak :

.....
Meterai atau Cop Syarikat
Tarikh : 2 OKTOBER 2020



1. **Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (Jika berkaitan)**

- 1.1 No. Pendaftaran : 336183-H
- 1.2 Tempoh Sah Laku : 16 MAC 1995 dan masih berkuatkuasa / Aktif

2. **Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)**

- 2.1 No. Pendaftaran : 357-02174177
- 2.2 Tempoh Sah Laku : 12 Dis 2017 - 11 Dis 2020
- 2.3 Kod Bidang : 210103, 210104, 210105, 210106, 210107, 210108
- 2.4 Taraf Syarikat : Bukan Bumiputera
- 2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera : T/B

3. **Harga dan Tempoh Kontrak**

- 3.1 Harga Sebut Harga seperti di **Lampiran A1** : **RM640,000.00**
*Lampiran A1 (Lampiran Q dalam dokumen Sebutharga) adalah merupakan borang dengan harga yang ditandatangani oleh syarikat - untuk tindakan MPC
- 3.2 Harga Kontrak : **RM640,000.00**
- 3.4 Tempoh Kontrak : 4 bulan
- 3.5 Tarikh Mula Kontrak : 1 September 2020
- 3.6 Tarikh Tamat Kontrak : 31 Disember 2020

Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan

*Senarai item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

*Lampiran A2 (Jadual spesifikasi dalam dokumen Sebutharga) adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat – untuk tindakan MPC

4. **Bon Pelaksanaan**
(*diisi oleh pihak MPC)

- 4.1 Kadar Bon Pelaksanaan : 5.0 %
- 4.2 Formula Bon Pelaksanaan : $RM\ 640,000.00 \times 5.0\%$
- 4.3 Nilai Bon Pelaksanaan : RM32,000.00

- 4.4 Bentuk Bon Pelaksanaan : Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful
- 4.5 Tempoh Sah Laku : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak (1 September 2020 - 31 Disember 2021) atau tarikh obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian



MIMOS BERHAD : HARGA TAWARAN DAN HARGA DIPERSETUJUI

Tajuk Perolehan/Projek : PENILAIAN INDUSTRY4WRD READINESS ASSESSMENT (RA) - 2020

Bil	Perkara	Harga Tawaran Asal (A)	Harga Dipersetujui (B)	Perbezaan Harga	
		(RM)	(RM)	(C) $C = A - B$	(D) $D = C/A \times 100$ (%)
1	Zon A Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Putrajaya Per syarikat yang dinilai	15,000	14,550	450	3
2	Zon B Johor, Kelantan, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Kedah Per syarikat yang dinilai	17,000	16,490	510	3
3	Zon C Sabah, Sarawak, Labuan Per syarikat yang dinilai	20,000	19,600	400	2

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

PERLANTIKAN PEMBEKAL SECARA RUNDINGAN TERUS (eGPA) KEPADA MIMOS BERHAD BAGI PERKHIDMATAN TINJAUAN KESEDIAAN INDUSTRY 4WRD

Saya THILLAI RAJ T. RAMANATHAN nombor K.P. 61108075681 yang mewakili MIMOS BERHAD nombor pendaftaran 357-02174177

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama : THILLAI RAJ T. RAMANATHAN
No. K.P.: 61108075681
Cop Syarikat :



SURAT PERWAKILAN KUASA

Bagi

Tajuk : **PELANTIKAN PEMBEKAL SECARA RUNDINGAN TERUS (eGPA) KEPADA MIMOS BERHAD BAGI PERKHIDMATAN TINJAUAN KESEDIAAN INDUSTRY 4WRD**

Saya, DR ISKANDAR SAMAD nombor K/P 800911-14-6111 jawatan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif daripada MIMOS BERHAD nombor Pendaftaran 336183-H (MOF/CIDB/SSM) dengan ini mewakilkan kuasa kepada THILLAI RAJ T RAMANATHAN nombor K/P 611108-07-5681 jawatan Ketua Pegawai Teknologi untuk menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bagi pihak syarikat.

Yang benar,



.....
(DR ISKANDAR SAMAD)

Jawatan : Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

Cop Syarikat:

